

1. Baca dan fahami setiap pernyataan di bawah. Nyatakan setiap pernyataan berikut **BENAR** atau **PALSU**.

Bil	Pernyataan	Jawapan
1.	Pemikiran komputasional membolehkan kita menangani masalah yang kompleks, memahami apa masalah sebenar dan mengenalpasti kaedah penyelesaian.	
2.	Setiap masalah perlu dibahagikan kepada bahagian yang lebih kecil untuk diselesaikan secara berasingan.	
3.	Apabila melukis gambar kereta, ciri-ciri umum seperti bilangan roda adalah sangat penting untuk kita ketahui. Teknik ini dikatakan sebagai Teknik Leraian.	
4.	Mengkaji kes-kes jenayah terdahulu secara umum merupakan contoh teknik pengecaman corak bagi menyelesaikan masalah jenayah	

[4 markah]

2. Tuliskan **BETUL** teknik pemikiran komputasional yang betul dan **SALAH** bagi yang salah pada petak yang disediakan.

Teknik leraian

Teknik pengecaman corak

Teknik bahagi

Teknik komputasional

[4 markah]

3. Namakan teknik- teknik yang terdapat dalam pemikiran komputasional berdasarkan penerangan yang diberikan .


Teknik dalam Pemikiran Komputasional	Penerangan
(a)	Mengutamakan perkara-perkara penting dalam sesuatu masalah dan meninggalkan perkara-perkara yang kurang penting.
	Pemecahan suatu masalah atau sistem yang kompleks kepada bahagian-bahagian kecil bagi memudahkan pemahaman dan penyelesaian.

(b)	Membina model berdasarkan corak-corak yang telah dikenalpasti daripada beberapa masalah serupa.
(c)	Persamaan-persamaan yang terdapat beberapa masalah atau dalam masalah yang sama.

[4 markah]

4. Lengkapkan proses pemikiran komputasional mengikut susunan yang betul di dalam kotak yang disediakan.

Perkara tidak Penting ditinggalkan	Kenalpasti corak yang sama	Masalah dipecahkan	Sediakan satu model penyelesaian masalah
------------------------------------	----------------------------	--------------------	--



[4 markah]

5. Nyatakan teknik pemikiran komputasional yang sesuai untuk setiap pernyataan berikut.

Pernyataan	Teknik
1. Sebelum membuat karangan, Suraya merangka karangannya dahulu untuk setiap perenggan.	
2. Rumus matematik untuk mencari luas segi empat tepat ialah panjang darab lebar.	
3. Komputer polis boleh mengesan penjenayah dengan menggunakan sistem yang mengenal pasti cap jari.	
4. Azizi sedang menjawab soalan peperiksaan Bahasa Inggeris. Dia membaca petikan yang panjang dan menggariskan isi penting sahaja.	